

NO. SOALAN : 434

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

SOALAN :

YB. Tuan Ahmad Nazlan Bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang membangunkan serta menetapkan garis panduan tadbir urus yang baik kepada pengusaha ekopelancongan berasaskan komuniti agar ekonomi penduduk setempat berkembang dengan impak kepada alam sekitar yang minima supaya keindahan alam sekitar tersebut dapat dinikmati oleh generasi yang mendatang.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kepentingan sektor ekopelancongan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan negara yang inklusif dan mampan semakin terbukti dengan pertumbuhan pesat sektor ini di peringkat global. Bagi tujuan itu, Kerajaan telah mengkaji semula Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 1996 dan membangunkan Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2016-2025 yang telah ditambahbaik mengikut permintaan semasa pasaran (*demand driven*).

Pelan ini merangkumi beberapa strategi dan tindakan bagi memastikan hala tuju strategik pembangunan industri ekopelancongan di Malaysia secara sinergi dan juga berperanan sebagai instrumen pemuliharaan tapak-tapak ekopelancongan di negara kita. Ini termasuklah strategi dan tindakan bagi tadbir urus tapak ekopelancongan serta Kawasan Perlindungan (*Protected Areas-PAs*) yang akan dipantau pelaksanaannya melalui Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan (*National Steering Committee*) yang dipengerusikan bersama oleh Menteri Pelancongan dan Kebudayaan dan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Antara elemen penting yang ditekankan di dalam Pelan ini adalah memastikan sebahagian pendapatan yang diterima daripada penggunaan tapak ekopelancongan atau PAs dilaburkan semula kepada usaha-usaha untuk memelihara dan memulihara tapak tersebut. Pengusaha ekopelancongan juga harus memastikan masyarakat

setempat tidak dipinggirkan dan dapat berkongsi manfaat daripada pembangunan sektor ekopelancongan di samping mengelakkan sebarang konflik yang boleh memudaratkan alam semuladi.

Sekian, terima kasih.